

# Kenapa Prasangka Buruk

Oleh : Shahril Anuar Abdul Ghalim & Nurul Nisha Mohd Shah  
(Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media Kampus Rembau)



“Aku nak tegur dan bagi salam pada dia.  
Tapi kalau dia tak suka aku macam  
mana?”

“Tak payahlah susah-susah buat baik.  
Bukannya orang lain nak hargai pun.”

Astaghfirullah...Itulah bisikan hati kecil tatkala muncul niat murni yang ingin bersilatullah atau melakukan kebaikan kepada orang lain. Bisikan ini seringkali muncul tatkala hati kecil ini ingin kembali kepada fitrah yang suci iaitu sentiasa berbuat kebaikan kepada orang lain. Seringkali bisikan halus ini

membantutkan niat untuk melaksanakan kebaikan apatah lagi mengajak orang lain untuk amal makruf nahi mungkar.

Keadaan ini terjadi kerana adanya sifat berprasangka buruk dalam diri. Hari ini, dapat kita lihat punca kelemahan dan ketewasan umat Islam adalah kerana sikap prejudis dan berprasangka buruk sesama sendiri. Sikap ini telah semakin menular dalam hati ahli masyarakat seperti virus kanser yang sedang membunuh sel-sel dalam badan. Ia seolah-olah telah menjadi budaya yang amat sukar dibendung lantas menjadikan

manusia saling bermusuhan dan berlawan kerana hilangnya rasa percaya antara satu sama lain.

Allah berfirman dalam surat al-hujurat ayat 12 yang bermaksud : "Wahai orang-orang yang beriman, jauhilah kebanyakan daripada prasangka, sesungguhnya sebahagian daripada prasangka itu adalah dosa."

### **Maksud Prasangka**

Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (Edisi Keempat), prasangka bermaksud sangka (anggapan) buruk terhadap sesuatu (seseorang) sebelum mengetahui (menyelidiki) yang sebenarnya. Jadi, dapat kita simpulkan bahawa prasangka itu merupakan pernyataan negatif yang diberikan kepada seseorang, benda, perkara, situasi, atau keadaan berdasarkan maklumat dan persepsi yang tidak jelas. Persepsi yang diberi didorong oleh emosi yang tercetus sewaktu perkara itu berlaku. Maka jika emosi yang keluar adalah baik maka persepsi yang hadir adalah positif. Begitulah sebaliknya.

Ledakan teknologi sebagai medium utama dalam berkomunikasi menambahkan lagi faktor penyumbang kepada prasangka. Hal ini kerana kejelasan maklumat yang disampaikan boleh dipertikaikan dek kekaburan pada sumber asalnya. Jarang kita mengetahui siapakah penulis asal kepada maklumat yang telah diviralkan. Jadi oleh sebab kita tidak mengetahui apakah niat atau motif asal sesuatu maklumat itu ditulis dan disebar maka setiap orang yang membaca maklumat tersebut membuat andaiannya sendiri. Dan disinilah bermula prasangka.

### **Tips Hindari Prasangka Buruk.**

Di sini penulis ingin berkongsi tips untuk menghindari prasangka buruk:

- 1) Sentiasa membersihkan hati dengan beristighfar sekurang-kurangnya 1000 kali sehari. Istighfar akan membersihkan hati kerana kita memohon ampun kepada Allah S.W.T atas segala dosa dan kesalahan yang dilakukan.
- 2) Mencari data yang lengkap apabila menerima sesuatu maklumat baharu dan tidak terus mempercayai apatah lagi menyebarkannya kepada orang lain.
- 3) Sentiasa berada dalam keadaan tenang dan tidak terpengaruh dengan emosi apabila menerima maklumat.
- 4) Rujuk orang yang pakar dalam sesuatu bidang bagi mendapatkan penjelasan lanjut terhadap maklumat yang rumit.

Kesimpulannya, apabila kita mula berprasangka buruk kepada orang lain, itu bermaksud hati kita sedang bermasalah. Hati yang baik akan sentiasa mencari kebaikan dan mengeluarkan kebaikan. Kita perlu sentiasa membersihkan hati dengan berzikir dan mengingati Allah sebagaimana kita membersihkan kanta cermin mata kita yang telah kotor akibat habuk, cap jari sendiri dan sebagainya. Hati adalah seperti kanta cermin mata. Jika ia bersih maka apa sahaja yang berlaku, akan dilihat sebagai rahmat Allah. Dan pastinya rahmat Allah adalah tanda kasih sayangNya kepada hambaNya di muka bumi ini.